

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	24/01/2018

Amalan kroni pemimpin terdahulu beban rakyat

BH-24/1/2018 #3

→ Kerajaan ambil iktibar daripada kesilapan lampau



► Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak mendedahkan, beberapa program pembangunan di bawah bekas seorang pemimpin sebelum ini, membawa beban tidak perlu kepada rakyat negara ini, apabila hanya sekumpulan kroni kapitalis meraih kekayaan daripadanya.

Perdana Menteri menegaskan, kerajaan di bawah pen-

tadbirannya berikrar menghentikan perkara itu dan mengambil iktibar daripada kesilapan lampau dalam merancang transformasi ekonomi Malaysia, sambil mendepani banyak us legasi sepanjang usaha itu.

Mengambil contoh pengangkutan awam, beliau berkata, aspek pembangunan itu diabaikan berdekad lamanya, menyebabkan ia menjadi tidak keruan, dengan pemilik dan sistem yang berbeza, hingga menyebabkan tidak ada integrasi.

“Ketaksuban seseorang terhadap idea menghasilkan kereta nasional, yang kini cuba dipulihkan di bawah pemilihan bersama antarabangsa, menjadikan Malaysia ketinggalan dalam menyediakan sistem pengangkutan awam yang efisien.

“Ini adalah halangan serius terhadap cita-cita kita untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan bagi Kuala Lumpur menjadi ibu kota bertaraf dunia.

“Oleh itu kita mengambil

langkah segera membetulkan keadaan dan menyatakan bahawa pengangkutan awam menjadi keutamaan penting bagi kerajaan,” katanya.

Beliau yang juga Menteri Kewangan, berkata demikian ketika menyampaikan ucap-tama pada Invest Malaysia 2018 anjuran Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia) dan Maybank di sini, semalam.

Tak pernah lepas tangan

Yang turut hadir, Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani; Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa; Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Siregar Abdullah; Pengerusi Bursa Malaysia, Tan Sri Ranjit Singh dan Pengerusi Kumpulan Maybank, Datuk Mohaiyani Shamsudin.

Dalam perkembangan berasingan, Perdana Menteri berkata, siasatan menyeluruh dan lengkap terhadap syarikat pelaburan strategik, 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dilakukan kerana ia menyentuh

isu perundangan termasuk membabitkan kerajaan dan pembangkang.

Sambil menegaskan tidak pernah ‘lepas tangan’ dalam segala isu membabitkan 1MDB, Najib berkata, isu yang berlaku adalah disebabkan kelemahan aspek tadbir urus.

Namun apa yang beliau kesalkan, berlaku kempen berterusan bertujuan mensabotaj ekonomi demi meraih kepentingan politik dan menjadikan isu 1MDB sebagai alat untuk mendakwa ekonomi negara mengalami kejatuhan.

“Saya tidak akan biarkan begitu sahaja isu ini. Memang berlaku kegagalan pada syarikat ini, kelemahan tadbir urus. Ini memang sesuatu yang perlu diberi perhatian.

“Itulah sebabnya saya mengarahkan satu siasatan paling menyeluruh dan lengkap dalam sejarah korporat Malaysia.

“Ia menyentuh isu perundangan pelbagai pihak berkuasa termasuk kerajaan dan pembangkang dalam Parlimen,” katanya.